



**HARUN menyampaikan sumbangan keperluan bayi kepada keluarga mangsa sempena majlis kelmarin.**

# UMS bantu mangsa kebakaran Kg Numbak

UB 5.10.2013 A1

KOTA KINABALU: Kesusahan yang dialami sebilangan penduduk Kg. Numbak, Sepanggar, dalam kejadian kebakaran 01 Oktober lalu sedikit terubat apabila menerima sumbangan dan bantuan warga Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sumbangan disampaikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, di penempatan sementara mangsa kebakaran di Dewan Masyarakat Pekan Menggatal.

Ketika ditemui media, beliau berkata UMS merasa prihatin terhadap musibah menimpa penduduk kampung itu dan telah memulakan usaha mengumpul

barang-barang keperluan melalui inisiatif Bahagian Media, Jabatan Canselori sejak dua hari lalu.

Katanya, sumbangan berupa keperluan makanan, pakaian, sejadah dan barang keperluan bayi itu merupakan pemberian ikhlas melibatkan kakitangan dan pelajar Universiti Eko Kampus itu.

“Sebagai makluman, kita di UMS bukan sahaja menjalankan kegiatan akademik semata-mata, tetapi turut menjalankan tanggung jawab sosial melalui program bantuan khidmat masyarakat seperti yang dijalankan pada hari ini,” katanya..

Sementara itu, seorang mangsa,

Habil Nasiril, 40, merakamkan ucapan penghargaan terhadap UMS atas keprihatinan diberikan terhadap kejadian malang yang menimpa 74 keluarga penduduk berkenaan.

Katanya, bantuan seperti itu amat diperlukan ketika ini memandangkan mangsa tragedi kini tinggal sehelai sepinggang.

“Kami amat mengalu-alukan agensi kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil memberi bantuan berupa pakaian, beras dan sebagainya bagi keperluan para penduduk di penempatan sementara ini,” katanya.